

PEMAHAMAN MAHASISWA UIS TERHADAP KEARIFAN TEMPATAN MELALUI SASTERA MELAYU DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA: SATU KAJIAN RINTIS

*UIS STUDENTS' UNDERSTANDING OF LOCAL WISDOM THROUGH
MALAY LITERATURE AND INFLUENCED FACTORS: A PILOT STUDY*

Zurina ABDULLAH*¹
Rohaini AMIN²
Nor Azlina ENDUT³
Salmah Jan NOOR MOHAMMAD⁴

¹²³Universiti Islam Selangor (UIS)

⁴Universiti Putra Malaysia (UPM)

¹zurinaabdullah@uis.edu.my

²rohaini@uis.edu.my

³norazlina@uis.edu.my

⁴salmahjan@upm.edu.my

Corresponding author*

Received: 10th August 2024

Accepted: 6th November 2024

ABSTRAK

Kajian ini merupakan analisis kajian rintis yang bertujuan untuk mengetahui tahap kefahaman mahasiswa terhadap kearifan tempatan menerusi sastera Melayu dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Berdasarkan kajian lalu, sastera Melayu ternyata dapat memberi nilai dalam memahami kearifan tempatan dalam masyarakat Melayu. Kaedah kajian melibatkan pengumpulan data melalui soal selidik yang disebarikan kepada 76 responden dari Universiti Islam Selangor (UIS). Analisis data dilakukan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan Skala Likert untuk menilai persepsi responden. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa terhadap kearifan tempatan, dan mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan menerusi sastera Melayu. Dari aspek pemahaman mahasiswa UIS terhadap kearifan dalam sastera Melayu, didapati berada pada tahap yang sangat tinggi kerana majoriti responden memilih skala Sangat Setuju. Seterusnya, dapatan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan didapati berada pada tahap yang tinggi apabila rata-rata responden memilih skala Setuju. Kajian ini dijangka akan memberi sumbangan kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) pada elemen ke-4 dari aspek Pendidikan Berkualiti dengan menyokong pembangunan pendidikan yang inklusif dan berkualiti, serta meningkatkan kesempatan pembelajaran sepanjang hayat bagi mahasiswa.

Kata Kunci: pemahaman; kearifan tempatan; sastera Melayu; faktor; pendidikan berkualiti (SDG 4); kajian rintis

ABSTRACT

This study is the result of the analysis of a pilot study which aims to find out the level of understanding of students towards local wisdom through Malay literature and the factors that influence it. Based on the findings of past studies, Malay literature can provide value in understanding local wisdom in the Malay community. The research method involved data collection through a questionnaire distributed to 76 respondents from Selangor Islamic University (UIS). Data analysis was done using a quantitative approach by using a Likert scale to assess the respondents' perceptions. The objective of this study is to identify the level of students' understanding of local wisdom, and to know the factors that influence students' awareness of local wisdom through Malay literature. From the aspect of UIS students' understanding of wisdom in Malay literature, it was found to be at a very high level because the majority of respondents chose the Strongly Agree scale. Next, findings on the factors that influence students' awareness of local wisdom were found to be at a high level when the average respondent chose the Agree scale. This study is expected to contribute to the Sustainable Development Goals (SDG) on the 4th element from the aspect of Quality Education by supporting the development of inclusive and quality education, as well as increasing lifelong learning opportunities for students.

Keywords: comprehension; local wisdom; Malay literature; factors; quality education (SDG 4); pilot study

Pendahuluan

Kearifan tempatan dalam sastera Melayu merupakan komponen penting dalam mengekalkan identiti budaya dan warisan bangsa Melayu. Ia bukan sahaja memberikan panduan dalam kehidupan seharian tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri dan identiti budaya masyarakat Melayu. Kajian yang dilakukan oleh Yusof dan Ramli (2020) mendapati istilah yang dikemukakan dalam menggambarkan konsep kearifan tempatan oleh pengkaji-pengkaji Barat khususnya menggambarkan betapa luasnya konsep ini dengan penggunaan tiga istilah, iaitu kepandaian tempatan (*local genius*), keilmuan tempatan (*local knowledge*) dan kearifan tempatan (*local wisdom*). Istilah 'local' pertama kali digunakan oleh Quartrich Wales pada tahun 1951. Kearifan tempatan juga merujuk kepada pengetahuan, nilai, dan amalan budaya yang telah berkembang dan diamalkan oleh masyarakat tempatan sejak zaman-berzaman. Menurut Ali et al. (2020), kearifan tempatan merupakan unsur tradisional yang menggambarkan identiti dan kekuatan sesebuah bangsa yang merangkumi bukan sahaja dalam bentuk kebendaan tetapi juga intelektualisme, budaya, agama dan cara hidup yang diwarisi daripada generasi terdahulu.

Kesedaran terhadap kearifan tempatan adalah elemen penting dalam memupuk identiti budaya dan sejarah sesebuah masyarakat. Kearifan tempatan merujuk kepada pengetahuan, amalan, dan nilai-nilai tradisional yang diwarisi turun-temurun dalam sesuatu masyarakat. Dalam konteks masyarakat Melayu, sastera tradisional merupakan medium utama yang menyampaikan pelbagai nilai kearifan tempatan yang merangkumi adat resam, pandangan hidup, serta ajaran moral yang menjadi asas kepada kehidupan masyarakat. Justeru, kajian ini dilakukan bagi memberi tumpuan terhadap generasi muda yang sering dianggap sebagai agen perubahan dalam masyarakat. Aspek penting yang menjadi tumpuan kajian ini ialah tahap kesedaran generasi muda terhadap kearifan tempatan masyarakat Melayu, dan pengkaji akan memfokuskan kepada pengetahuan mahasiswa tentang nilai-nilai tradisi, adat istiadat, dan kebijaksanaan yang terkandung dalam sastera Melayu seterusnya dapat mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Permasalahan Kajian

Kajian ini perlu dilakukan berdasarkan permasalahan yang berlaku dalam masyarakat moden hari ini terhadap kesedaran kepada kearifan tempatan khususnya dalam kalangan generasi muda. Permasalahan utama ialah tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan generasi muda tentang kepentingan kearifan tempatan dan peranan sastera Melayu tradisional. Hal ini kerana generasi muda kini didapati tidak menghayati sastera Melayu dalam menjalani kehidupan dan hanya mengikuti sastera Melayu dalam subjek atau kursus tertentu di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi. Tanpa mereka sedari penghayatan terhadap sastera Melayu mampu meningkatkan pembudayaan dan tradisi warisan tradisional yang diwariskan oleh generasi lama. Kenyataan ini disokong oleh Ahmad (2021) yang menegaskan dalam kajiannya bahawa bangsa Melayu mesti meningkatkan lagi pembudayaan dan tradisi pengetahuan bagi mengatasi krisis ilmu dan pemikiran dalam kalangan bangsa Melayu itu sendiri.

Permasalahan ini dibuktikan melalui kajian di Indonesia oleh Setyaningrum (2018) yang memetik pemikiran Alvin Boskoff bahawa faktor-faktor yang menjadi cabaran bagi budaya tempatan ialah perubahan tata nilai-nilai budaya dalam masyarakat, serta matinya bentuk-bentuk seni tradisi di beberapa wilayah Nusantara, yang disebabkan oleh teknologi di

era global. Budaya tempatan adalah salah satu komponen yang memberikan jati diri sebagai sebuah komuniti yang istimewa serta wujud salah satu bangsa di dunia ini. Maka kesedaran bagi generasi muda dilihat amat perlu ditanam untuk lebih memahami budaya yang dimilikinya. Fenomena ini juga perlu diteliti realitinya di Malaysia dan kajian seumpama ini harus dilakukan.

Rentetan daripada permasalahan pertama, kajian ini dicadangkan atas dasar wujudnya permasalahan seterusnya, iaitu pengaruh media massa dan globalisasi telah menyebabkan generasi muda lebih terdedah kepada budaya luar dan menyebabkan kurang berminat atau tidak mendalami kearifan tempatan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya risiko jangka masa panjang, iaitu kehilangan warisan budaya Melayu jika generasi muda terus dibiarkan tidak memiliki kesedaran dan kepentingan terhadap tradisi dan budaya masyarakat Melayu, terutamanya sastera Melayu tradisional. Melalui kajian oleh Yusof & Hanafiah (2015), media baharu ternyata memberi kesan buruk terhadap sistem nilai Melayu berbanding sistem nilai Barat. Justeru, keadaan ini perlu diperkukuh. lagi dengan kajian-kajian terkini agar langkah ke arah pemulihan boleh dilakukan.

Dalam perkembangan dunia pendidikan hari ini juga, permasalahan yang perlu diberi tumpuan adalah keadaan sistem pendidikan dan pengajaran di Malaysia sama ada mempromosikan atau mengabaikan pembelajaran tentang sastera Melayu tradisional dan kearifan tempatan. Kesedaran terhadap nilai budaya dalam kalangan generasi muda amat perlu dititikberatkan dalam aspek pendidikan. Melalui permasalahan-permasalahan yang dikemukakan, secara tidak langsung menjadi cabaran besar dalam pemuliharaan warisan bahasa dan kesusasteraan Melayu tradisional dalam kehidupan masyarakat moden hari ini. Kajian Tuah (2022) mengukuhkan kenyataan bahawa dalam cerita-cerita sastera lisan terkandung nilai-nilai kearifan tempatan yang mampu menonjolkan nilai komersial untuk diperkenalkan di peringkat antarabangsa.

Sorotan Literatur

Beberapa kajian lepas telah dilakukan tiga tahun kebelakangan ini berkaitan aspek kearifan tempatan yang memberi impak terhadap pemikiran dan gaya hidup masyarakat Melayu khususnya. Kajian-kajian ini juga berfokus pada bahan kesusasteraan Melayu. Kajian pertama ialah kajian yang dilakukan oleh Sulaiman et al. (2021) bertajuk *Manuskrip Melayu Islam sebagai warisan kearifan tempatan: Isu dan prospek masa depan*. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji manuskrip Melayu sebagai khazanah kearifan tempatan bangsa Melayu yang menampilkan pandangan sarwa dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Kajian ini juga menganalisis isu, cabaran dan masa depan kajian manuskrip Melayu Islam dari aspek analisis kandungan dan pengurusan manuskrip Melayu lama yang tersimpan di dalam dan luar Alam Melayu. Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan kajian perpustakaan dan bahan sekunder seperti buku, artikel jurnal dan akhbar selain temu bual bersama pakar bagimenganalisis senario isu dan cabaran kajian manuskrip Melayu Islam di alam Melayu.

Dalam sebuah buku ilmiah yang bertajuk *Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera* menghimpunkan 11 bab yang mengupas kearifan tempatan dalam karya sastera Melayu seperti hikayat, novel, teks tradisional, syair, drama dan filem (Hamid, 2015). Kesemua kajian ini mengupas aspek tertentu yang menjadi tumpuan kajian dengan bersumberkan bahan kajian yang dipilih oleh para pengkaji. Satu lagi kajian telah dilakukan oleh Mashitah Sulaiman et al. (2021) yang bertajuk *Manuskrip Melayu Islam Sebagai*

Warisan Kearifan Tempatan: Isu dan Prospek Masa Depan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji manuskrip Melayu sebagai khazanah kearifan tempatan bangsa Melayu yang menampilkan pandangan sarwa dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Kajian ini juga menganalisis isu cabaran dan masa depan kajian manuskrip Melayu Islam dari aspek analisis kandungan dan pengurusan manuskrip Melayu lama yang tersimpan di dalam dan luar Alam Melayu. Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan kajian perpustakaan dan bahan sekunder seperti buku, artikel jurnal dan akhbar selain temu bual bersama pakar bagi menganalisis senario isu dan cabaran kajian manuskrip Melayu Islam di alam Melayu.

Kajian kedua dilakukan Tuah (2022) yang bertajuk *Sastera Rakyat daripada Perspektif Kearifan Tempatan dan Potensinya kepada Pelancongan Budaya di Sarawak*. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan data mutakhir potensi cerita rakyat daripada perspektif kearifan tempatan kepada industri pelancongan budaya di Sarawak. Kajian ini bersifat penyelidikan kualitatif berasaskan analisis teks terhadap empat buah buku cerita rakyat Sarawak daripada *Antologi Cerita Rakyat Sarawak: Telichu dan Telichai* yang diterbitkan pada tahun 2020 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Dapatan kajian menunjukkan cerita rakyat sememangnya berpotensi menjadi alat untuk mempromosikan pelancongan budaya di Sarawak. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan nilai kearifan tempatan yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Sarawak mempunyai nilai komersial yang mampu dipasarkan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Seterusnya, Adnan (2023) melalui kajian bertajuk *Akal budi orang Melayu menerusi cerita-cerita rakyat* telah mengenal pasti dan menganalisis aspek akal budi menerusi cerita rakyat Melayu. Batasan kajian ini dihadkan kepada koleksi cerita rakyat dalam buku yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks selain menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) menerusi pengkaedahan alamiah bagi memperkukuh analisis kajian. Hasilnya, kajian ini mendapati adanya elemen akal budi dalam cerita rakyat Melayu yang diketengahkan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengkaji sebelum ini telah menggunakan bahan kajian yang terdiri daripada manuskrip Melayu, sastera rakyat dan cerita-cerita rakyat. Dalam kajian, pengkaji menggunakan bahan kajian yang terdiri daripada koleksi pantun dan peribahasa Melayu yang menggambarkan elemen kearifan tempatan dalam sastera Melayu tradisional. Terdapat kajian lain menggunakan pantun Melayu sebagai kajian tetapi fokus kajian tersebut terarah kepada aspek pemikiran dan akal budi Melayu secara amnya. Jurang kajian lepas berbanding kajian ini, kajian ini lebih memfokuskan elemen kearifan tempatan dan tumpuan diberikan kepada kesedaran generasi muda hari ini. Pemilihan responden bagi kajian ini juga memfokuskan mahasiswa institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta yang berada di Selangor. Kajian ini dapat memperlihatkan satu lagi penemuan baharu dan bakal memperlihatkan novelti dalam kajian seumpama ini.

Objektif Kajian

Perbincangan dalam kertas kerja ini melibatkan dua objektif kajian, iaitu:

- 1) Mengetahui tahap kefahaman mahasiswa terhadap kearifan tempatan.

- 2) Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan menerusi sastera Melayu.

Metodologi Kajian


Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat tahap pemahaman dan penghayatan mahasiswa terhadap nilai-nilai kearifan tempatan yang terdapat dalam sastera Melayu tradisional. Kajian ini juga berhasrat untuk menilai sejauh mana mahasiswa memahami konsep kearifan tempatan, menghargai nilai-nilai yang terdapat dalam sastera Melayu tradisional, serta terlibat dengan aktiviti yang berkaitan dengan sastera dan budaya Melayu. Untuk mencapai objektif ini, kajian menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengumpulan data menggunakan soal selidik yang disebarkan secara rawak kepada mahasiswa UIS. Soal selidik tersebut dirangka untuk menilai persepsi dan tahap kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan dalam sastera Melayu tradisional. Skala Likert yang mengandungi lima mata, iaitu Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Pasti (SP), Tidak Setuju (TS), dan Sangat Tidak Setuju (STS) digunakan untuk mengukur sejauh mana mahasiswa memahami kearifan tempatan, menghargai nilai-nilai dalam sastera Melayu tradisional, dan terlibat dengan aktiviti yang mempromosikan sastera dan budaya Melayu. Pemilihan responden hanya dilakukan secara rawak kerana kajian ini melibatkan mahasiswa berbangsa Melayu yang terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja kerana terdapatnya elemen komponen sastera (KOMSAS) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Dengan adanya elemen KOMSAS, maka pemilihan responden secara rawak adalah lebih mudah tambahan pula kajian ini merupakan kajian rintis.

Dapatan Kajian

Kajian ini merupakan kajian rintis yang dilakukan terhadap mahasiswa UIS. Ia mewakili 30 peratus daripada jumlah responden seramai 200 orang mahasiswa daripada empat buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta. Seramai 76 orang responden telah berjaya dikumpulkan. Analisis responden dalam soal selidik ini diperincikan mengikut jantina, umur, tahun pengajian dan peringkat pengajian. Jumlah keseluruhan lelaki dan perempuan yang mengambil bahagian dalam soal selidik ini melibatkan bilangan responden lelaki sebanyak 43.4 peratus, bersamaan dengan 33 orang manakala perempuan mencatatkan 56.6 peratus bersamaan dengan 43 orang.


Kumpulan umur responden yang mengambil bahagian dalam soal selidik ini terdiri daripada empat kategori, iaitu antara 18 hingga 20 tahun; 21 hingga 23 tahun; 24 hingga 26 tahun dan 27 tahun ke atas. Rata-rata responden terdiri daripada mahasiswa yang berumur 18 hingga 20 tahun, iaitu sebanyak 60.5 peratus bersamaan dengan 46 orang. Angka tersebut diikuti oleh responden berumur antara 21 hingga 23 tahun dengan mencatatkan bilangan sebanyak 31.6 peratus bersamaan dengan 24 orang. Bagi responden yang berumur 24-26 tahun dan 27 tahun ke atas masing-masing mencatatkan bilangan sebanyak 3.9 peratus, iaitu bersamaan dengan 3 orang. Huraian ini dapat digambarkan melalui rajah 1.0 di bawah.

Rajah 1.0: Umur Responden



Tahun pengajian responden yang terlibat dalam soal selidik ini terdiri dari empat kategori, iaitu tahun 1, 2, 3 dan 4. Kebanyakan responden terdiri daripada pelajar tahun 1 dengan mencatatkan bilangan sebanyak 81.6 peratus bersamaan dengan 62 orang. Peratusan tersebut disusuli oleh pelajar tahun 2 dengan bilangan sebanyak 11.8 peratus, iaitu bersamaan dengan 9 orang. Pelajar tahun 3 dan 4 masing-masing mencatatkan bilangan sebanyak 2.6 peratus, iaitu seramai 2 orang dan 3.9 peratus bersamaan dengan 3 orang. Peringkat pengajian responden pula terdiri daripada dua kategori utama, iaitu diploma dan sarjana muda. Peratusan sarjana muda mencatatkan bilangan sebanyak 57.9 peratus bersamaan dengan 44 orang diikuti oleh diploma dengan bilangan sebanyak 42.1 peratus bersamaan dengan 32 orang.

Rajah 2.0: Tahun Pengajian



Objektif 1: Pemahaman Mahasiswa terhadap Kearifan Tempatan

Bagi menjawab objektif pertama, pengkaji mengemukakan tujuh soalan bagi mengenal pasti pemahaman mahasiswa terhadap kearifan tempatan. Berikut dipaparkan Jadual 1.0 yang menunjukkan hasil analisis soal selidik bagi pemahaman mahasiswa terhadap kearifan tempatan.

Jadual 1.0: Pemahaman Mahasiswa terhadap Kearifan Tempatan

Soalan	Skala				
	STS	TS	TP	S	SS
Sastera Melayu penting untuk dipelajari.	0	3.9% (3)	15.8% (12)	32.9% (25)	47.4% (36)
Sastera Melayu mempunyai nilai kearifan tempatan.	1.3% (1)	1.3% (1)	17.1% (13)	32.9% (25)	47.4% (36)
Sastera Melayu meningkatkan kefahaman terhadap budaya dan kearifan tempatan.	2.6% (2)	1.3% (1)	17.1% (13)	36.8% (28)	42.1% (32)
Kearifan tempatan mencakupi bahasa, sastera dan budaya.	2.6% (2)	2.6% (2)	18.4% (14)	40.8% (31)	35.5% (27)
Kearifan tempatan dalam sastera Melayu mencerminkan akal fikir masyarakat Melayu.	1.3% (1)	2.6% (2)	18.4% (14)	36.8% (28)	40.8% (31)
Kearifan tempatan dalam sastera Melayu adalah warisan tradisi bangsa.	1.3% (1)	2.6% (2)	21.1% (16)	34.2% (26)	40.8% (31)
Kearifan tempatan dalam sastera Melayu boleh menyampaikan pesan moral kepada generasi muda.	2.6% (2)	1.3% (1)	14.5% (11)	35.5% (27)	46.0% (35)

Berdasarkan jadual di atas, didapati 6 daripada 7 item mencapai bilangan melebihi 40 peratus yang mewakili lebih 30 orang responden. Sebahagian besar responden memilih skala Sangat Setuju terhadap item 1 dan 2, iaitu *sastera Melayu penting untuk dipelajari* dan *sastera Melayu mempunyai nilai kearifan tempatan* dengan jumlah 47.4 peratus yang mewakili seramai 36 orang responden. Ia diikuti item 7, iaitu *kearifan tempatan dalam sastera Melayu boleh menyampaikan pesan moral kepada generasi muda* dengan bilangan sebanyak 46 peratus, bersamaan dengan 35 orang responden. Responden sangat setuju bahawa kearifan tempatan dalam sastera Melayu mencerminkan akal fikir masyarakat Melayu dan ia merupakan warisan tradisi bangsa Melayu. Dapatan ini menandakan bahawa sastera Melayu diakui sebagai medium yang bukan hanya dapat menambah ilmu budaya bahkan juga membina sahsiah dan moral mahasiswa. Perkara yang lebih penting adalah mahasiswa menyedari bahawa kearifan tempatan dalam sastera Melayu boleh menyampaikan pesan moral kepada generasi muda.

Melalui dapatan ini juga, dapat dilihat dari segi kefahaman budaya, majoriti responden memilih Sangat Setuju dan berpendapat bahawa sastera Melayu memiliki nilai kearifan tempatan yang mendalam, sebahagian besar responden menyokong bahawa sastera ini membantu mereka memahami budaya dan nilai masyarakat Melayu. Dapatan ini dapat dilihat pada skor item 3, iaitu *Sastera Melayu meningkatkan kefahaman terhadap budaya dan kearifan tempatan*, dengan jumlah sebanyak 42.1 peratus mewakili 32 orang responden. Selain itu, kebanyakan responden bersetuju bahawa sastera Melayu mencerminkan pemikiran masyarakat Melayu, menjadikannya sebagai warisan budaya yang berharga.

Objektif 2: Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kesedaran Mahasiswa

Bagi menjawab objektif kedua, pengkaji mengemukakan tujuh soalan bagi mengenal pasti pemahaman mahasiswa terhadap kearifan tempatan. Berikut dipaparkan Jadual 2.0 yang

menunjukkan dapatan terhadap analisis terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran mahasiswa.

Jadual 2.0: Faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran mahasiswa

Soalan	Skala				
	STS	TS	TP	S	SS
Sastera Melayu merangsang minat mahasiswa menghasilkan karya seni berasaskan nilai kearifan tempatan.	1.3% (1)	6.6% (5)	21.1% (16)	39.5% (30)	31.6% (24)
Penerapan sastera Melayu melalui pendidikan formal memberi peluang kepada mahasiswa untuk menghargai kearifan tempatan.	1.3% (1)	3.9% (3)	14.5% (11)	47.4% (36)	32.9% (25)
Media sosial membantu mahasiswa mengetahui tentang kearifan tempatan dalam sastera Melayu.	0	5.3% (4)	19.7% (15)	44.7% (34)	30.3% (23)
Penggunaan teknologi moden dapat memperkasakan kearifan tempatan daripada sastera Melayu.	3.9% (3)	3.9% (3)	21.1% (16)	40.8% (31)	30.3% (23)
Arus globalisasi menyebabkan kurangnya perhatian mahasiswa terhadap nilai kearifan tempatan dalam sastera Melayu.	2.6% (2)	5.3% (4)	19.7% (15)	43.4% (33)	30.3% (23)
Pihak berwajib berperanan dalam mempromosikan kearifan tempatan dalam sastera Melayu.	3.9% (3)	2.6% (2)	13.2% (10)	38.2% (29)	42.1% (32)
Nilai kearifan tempatan dalam sastera Melayu dipengaruhi oleh trend kerjaya masa kini.	1.3% (1)	2.6% (2)	23.7% (18)	42.1% (32)	30.3% (23)

Jadual 2.0 menunjukkan dapatan terhadap persoalan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan dalam sastera Melayu. Terdapat tujuh item dalam bahagian ini dan majoriti responden memilih skala Setuju dengan melebihi 40 peratus yang melibatkan responden melebihi 30 orang. Tiga faktor utama yang dipersetujui oleh responden mampu mempengaruhi kesedaran mahasiswa ialah faktor pendidikan, media sosial dan arus globalisasi. Item 2, iaitu *Penerapan sastera Melayu melalui pendidikan formal memberi peluang kepada mahasiswa untuk menghargai kearifan tempatan* menunjukkan bilangan tertinggi pada skala Setuju, iaitu sebanyak 47.4 peratus mewakili seramai 36 orang responden. Faktor media sosial pula mempunyai peratusan kedua tertinggi melalui item 3, iaitu *Media sosial membantu mahasiswa mengetahui tentang kearifan tempatan dalam sastera Melayu* sebanyak 44.7 peratus dengan responden seramai 34 orang.

Namun begitu, faktor arus globalisasi didapati menjadi penyumbang yang membawa pengaruh negatif menyebabkan penurunan perhatian kearifan tempatan dengan jumlah 43.4 peratus mewakili 33 orang responden, iaitu pada item 5 yang menyatakan *Arus globalisasi menyebabkan kurangnya perhatian mahasiswa terhadap nilai kearifan tempatan dalam sastera Melayu*. Dapatan pada jadual 2.0 menunjukkan bahawa mahasiswa UIS bersetuju dengan faktor-faktor yang dikemukakan mampu mempengaruhi kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan dalam sastera Melayu, iaitu pendidikan formal, media sosial,

teknologi moden, pengaruh arus globalisasi serta trend kerjaya masa kini. Bagi item 6 yang melibatkan peranan pihak berwajib pula responden memberikan bilangan tertinggi pada skala Sangat Setuju sebanyak 42.1 peratus bersamaan dengan jumlah 32 orang responden.

Analisis dan Perbincangan

Berdasarkan analisis awal, beberapa dapatan penting dapat dirumuskan. Pertama, kebanyakan mahasiswa UIS menunjukkan tahap pemahaman yang baik terhadap konsep kearifan tempatan dalam sastera Melayu, terutamanya dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Namun begitu, walaupun mereka mampu mengenali beberapa elemen kearifan tempatan, tetapi pemahaman mereka didapati tidak mendalam. Hal ini kerana pernyataan yang dikemukakan dalam item soal selidik ini hanya secara umum dan tidak dilakukan dengan lebih terperinci terhadap aspek-aspek tertentu. Justifikasi terhadap keadaan ini disebabkan kajian ini merupakan kajian rintis yang perlu dikembangkan melalui kajian akan datang dan dapatan ini boleh dijadikan kayu ukur dalam melihat aspek-aspek yang seterusnya bagi menjawab persoalan kajian yang lebih besar.

Kedua, tahap penghayatan dan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti berkaitan sastera Melayu didapati berada pada tahap yang baik. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden memahami kearifan tempatan menerusi sastera Melayu. Namun begitu, pengkaji mengharapkan dapatan yang lebih menyeluruh apabila kajian sebenar dilakukan dengan mengambil kira jumlah responden yang lebih ramai. Hal ini kerana terdapat sebahagian responden yang memilih skala TP, TS dan STS. Maka, jangkaan dapatan kajian sebenar mungkin menunjukkan bahawa terdapat jurang yang signifikan antara kesedaran tentang kearifan tempatan dan penghayatan sebenar terhadap sastera Melayu dalam kalangan mahasiswa. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, kebanyakan mahasiswa tidak mendapat pendedahan yang mencukupi terhadap sastera Melayu semasa di sekolah menengah dan universiti. Kurangnya integrasi kandungan sastera Melayu dalam kurikulum mungkin menyebabkan mahasiswa kurang terdedah kepada nilai-nilai kearifan tempatan. Kedua, pendedahan kepada budaya dan sastera asing yang lebih meluas melalui media dan internet mungkin menyebabkan kurangnya minat terhadap sastera tempatan. Ketiga, kekurangan bahan bacaan dan aktiviti yang menarik berkaitan dengan sastera Melayu juga mungkin menyumbang kepada tahap penglibatan yang rendah.

Kajian ini mempunyai implikasi penting terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) khususnya pada elemen ke-4, iaitu Pendidikan Berkualiti. Dengan meningkatkan kesedaran dan penglibatan mahasiswa terhadap kearifan tempatan melalui sastera Melayu, ia dapat menyokong pembangunan pendidikan yang inklusif dan berkualiti serta meningkatkan kesempatan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini juga disokong melalui dapatan yang menunjukkan bahawa aspek pendidikan menjadi faktor utama dalam meningkatkan kesedaran terhadap kearifan tempatan. Kearifan tempatan dalam sastera Melayu didapati mampu membentuk identity kebangsaan dan modal insan. Justeru, usaha untuk mempromosikan sastera Melayu sebagai satu medium penting dalam memupuk kearifan tempatan dan identiti budaya dalam kalangan generasi muda adalah penting untuk memastikan warisan budaya ini tidak terpinggir dalam arus globalisasi.

Berdasarkan dapatan kajian ini juga, beberapa cadangan diusulkan untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan mahasiswa terhadap sastera Melayu. Pertama, memperkenalkan lebih banyak kandungan sastera Melayu dalam kurikulum pengajian di semua peringkat pendidikan. Hal ini boleh dilakukan dengan memasukkan karya-karya sastera

Melayu dalam silibus dan menggalakkan pembacaan karya-karya tersebut. Kedua, mengadakan lebih banyak aktiviti kokurikulum yang berkaitan dengan sastera dan budaya Melayu seperti kelab sastera, pementasan teater, dan bengkel penulisan kreatif. Aktiviti-aktiviti ini dapat memberikan pengalaman langsung kepada mahasiswa dan meningkatkan minat mereka terhadap sastera Melayu. Ketiga, menggunakan teknologi dan media sosial untuk mempromosikan sastera Melayu dengan cara yang menarik kepada generasi muda. Platform digital dan media sosial boleh digunakan untuk menyebarkan karya-karya sastera Melayu dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kearifan tempatan. Keempat, meningkatkan kerjasama dengan komuniti tempatan untuk mempromosikan kearifan tempatan melalui pameran, ceramah, dan program pembelajaran berasaskan komuniti. Kerjasama ini dapat memberikan perspektif yang lebih luas kepada mahasiswa dan memperkukuhkan hubungan antara universiti dan komuniti tempatan.

Kesimpulan

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa pemahaman dan faktor-faktor yang mempengaruhi mahasiswa UIS terhadap kearifan tempatan dalam sastera Melayu berada pada tahap yang baik. Walau bagaimanapun, kajian ini akan diperluas lagi dengan melibatkan responden yang lebih ramai yang terdiri daripada mahasiswa di IPT yang lain. Berdasarkan dapatan ini, boleh dikatakan bahawa gelombang arus pemodenan telah banyak meminggirkan kesedaran generasi muda terhadap kearifan tempatan, namun harus diakui bahawa budaya tradisi dan kearifan tradisi itu dinamik dan sentiasa berubah selari dengan keperluan zaman yang menyebabkannya relevan dalam konteks-konteks yang berbeza. Usaha-usaha yang gigih perlu dilakukan oleh pihak yang berkaitan agar kearifan tempatan dalam sastera Melayu ini tetap kekal terpelihara. Sumbangan kajian ini adalah kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) pada elemen ke-4 dari aspek Pendidikan Berkualiti dengan menyokong pembangunan pendidikan yang inklusif dan berkualiti, serta meningkatkan kesempatan pembelajaran sepanjang hayat bagi mahasiswa.

Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Islam Selangor (UIS) dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) yang telah memberikan kepercayaan kepada penyelidik dalam menjalankan penyelidikan melalui kelulusan dana Geran Penyelidikan Inovasi UIS (GPIU) Fasa 2/2023 bagi kategori Geran Penyelidikan Sekunder (GPS).

Rujukan

- Ali, T. I. M. T. M, Mustafa, M. M. & Junaidi, R. (2020). Kearifan tempatan dalam kulit buku sastera kanak-kanak terpilih terbitan PTS. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15(1), 22–37.
- Ahmad, A. R. (2021). Bangsa Melayu, krisis ilmu dan revolusi pendidikan Islam sebagai jalan pencerahan. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 10-41.
- Yaacob, M. F. C. (2021). *Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu penelitian pengkaedahan Melayu*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

- Tuah, D. (2022). Sastera rakyat daripada perspektif kearifan tempatan dan potensinya kepada pelancongan budaya di Sarawak. *Akademia*, 92(2), 153-168.
- Sulaiman, M., Ahmad, M. N., Md Hamdani, S. & Mahyuddin, M. K. (2021). Manuskrip Melayu Islam sebagai warisan kearifan tempatan: isu dan prospek masa depan. *E-proceedings of the International Conference on Da'wah and Islamic Management*, 1-37.
- Yusof, M. Y. M. & Hanafiah, M. G. (2015). Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 33-46.
- Yusof, M. Y. & Ramli, M. A. (2020). Pentakrifan kearifan tempatan: suatu sorotan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 175-188.
- Setyaningrum, N. D. B. (2018). Budaya Lokal di Era Global. *Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Karya Seni*, 20 (2), 102-112.
- Hamid, R. A. (2015). *Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam karya sastera*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Adnan, T. S. N. S. T. (2023). Akal budi orang Melayu menerusi cerita-cerita_rakyat. *Pendeta*, 14(2), 56-7.